



**PEJABAT PENDAFTAR  
REGISTRAR OFFICE**

Rujukan Kami : UPM/PEND/500-3/4/7

Tarikh : 18 Januari 2016

**SEPERTI DISENARAI EDARAN**

YBhg. Datuk/Dato'/Profesor/Tuan/Puan,

**IKLAN PENGISIAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara diatas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Putra Malaysia (UPM) mempelawa semua pegawai akademik yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UPM.
3. Bersama-sama ini dilampirkan kriteria khusus yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia beserta borang permohonan bagi mengisi jawatan tersebut. Untuk makluman, tarikh tutup permohonan adalah pada **5 Februari 2016**.
4. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Dasar dan Pentadbiran ditalian 03-8947 1514/1516 (Jennifer Lendai Kundat/Nazriah Abd Rahman). Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Profesor/Tuan/Puan dalam memanjangkan hebahan ini kepada Universiti masing-masing adalah amat dihargai.

Sekian untuk tindakan YBhg. Datuk/Dato'/Profesor/Tuan/Puan selanjutnya. Terima kasih.

Sekian.

**"BERILMU BERBAKTI"**


Yang benar,

(DATO' WAN AZMAN BIN WAN OMAR D.S.I.S)

Pendaftar

Universiti Putra Malaysia

s.k YBhg. Profesor Datin Paduka Naib Canselor





**KRITERIA PEMILIHAN CALON  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

- i) **Berkemampuan menguruskan urusan berkaitan pembangunan dan hal ehwal pelajar :** Penyandang perlu mempunyai pengalaman dalam menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan hal ehwal pelajar. Ini adalah kerana penyandang bertanggungjawab menyelia aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan pelajar terutama Majlis Perwakilan Pelajar agar sebarang aktiviti yang dijalankan adalah selari dengan matlamat penubuhan universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar semasa kerajaan.
- ii) **Aktif dalam ko-kurikulum dan berpengetahuan dalam merekabentuk dan melaksanakan ko-kurikulum berkredit serta program pembangunan pelajar secara holistik :** Penyandang mestilah mahir dalam merekabentuk ko-kurikulum berteraskan Hasil Pembelajaran (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi, pembelajaran yang selaras dengan atribut efektif yang perlu dihasilkan melalui ko-kurikulum. Calon perlu berpengalaman dalam menterjemah ko-kurikulum berkredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.
- iii) **Penglibatan dalam jawatankuasa yang berkaitan Hal Ehwal Pelajar :** Penyandang jawatan ini akan terlibat dalam Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa tatatertib pelajar dan Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang berkaitan dengan hal ehwal pelajar. Oleh yang demikian, penyandang mestilah seorang individu yang *service-oriented* dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebajikan mereka tidak kira siang ataupun malam. Penyandang juga perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling/rundingcara sebagai asas untuk mendekati pelajar dan mengetahui permasalahan mereka.

- iv) **Berpengalaman dalam menguruskan kolej-kolej kediaman :**  
Penyandang mestilah mempunyai asas dalam pengurusan. Ini adalah kerana pengurusan kolej-kolej kediaman di Universiti merupakan tanggungjawab dan berada di bawah bidang kuasa TNC (HEPA). Penyandang mestilah mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan ini dapat melahirkan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.
- v) **Mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan Alumni :** Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni. Ini adalah kerana pewujudan alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan Universiti.



**PERMOHONAN JAWATAN  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

GAMBAR  
BERUKURAN  
PASSPORT

- 1. NAMA PEGAWAI** :
- 2. TARIKH LAHIR** :
- 3. FAKULTI/JABATAN/UNIVERSITI** :
- 4. PENILAIAN PRESTASI  
(TIGA TAHUN TERKINI BERTURUT-TURUT)** :
- 5. KELULUSAN AKADEMIK** :
- 6. BIDANG PENGKHUSUSAN** :

---

Sila kemukakan bersama-sama borang permohonan ini curriculum vitae yang lengkap dan terkini beserta dokumen kelayakan akademik atau sebarang dokumen sokongan lain yang berkaitan (sekiranya ada). Permohonan ini hendaklah dikemukakan melalui Ketua Perkhidmatan pemohon. Borang permohonan lengkap hendaklah dikembalikan kepada alamat seperti berikut :

**ALAMAT PERMOHONAN** : Ketua  
Seksyen Pengurusan Dasar dan  
Pentadbiran  
Tingkat 4, Pejabat Pendaftar  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
**SELANGOR**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN** : **5 Februari 2016**